



lokal

Semua parti politik berdepan tugas getir

Kuala Lumpur: Seluruh perhatian kini tertumpu kepada Tun Dr Mahathir Mohamad ketika beliau melaksanakan tugasnya sebagai perdana menteri interim dalam mengharungi saat-saat kritikal, menge-mudi pentadbiran negara tanpa bantuan Jemaah Menteri.

Penganalisis politik dari Universiti Putra Malaysia, Dr Anuar Shah Bali Mohamad berkata, tempoh itu boleh berlanjutan sehingga tiga, atau empat hari lagi, selagi tiada ketetapan berhubung gabungan parti mana yang ada majoriti dan kerusi terbanyak di Dewan Rakyat.

“Pada ketika ini, semua parti politik berdepan tugas getir dalam mendapatkan sokongan parti lain dan bergabung membentuk pakatan baharu. Perkara ini memerlukan masa. Namun sementara menunggu ia di-putuskan, Dr Mahathir selaku perdana menteri interim masih perlu menjalankan tugasnya,” kata Dr Anuar Shah.

“Jadi, adalah penting untuk parti politik segera mendapatkan sokongan atau bergabung dengan

parti lain dan seterusnya membawa usul kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membentuk kerajaan. Di sini nanti perdana menteri baharu akan dipilih,” katanya.

Kelmarin, Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdul-lah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dilaporkan berkenan melantik Dr Mahathir sebagai perdana menteri interim selepas menerima peletakan jawatannya.

Pejabat Perdana Menteri mengumumkan dalam satu kenyataan Dr Mahathir meletakkan jawatan sebagai perdana menteri ketujuh dan surat kepada Yang di-Pertuan Agong dihantar jam 1 tengah hari kelmarin.

Dr Mahathir turut meletak jawatan sebagai pengurus Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dan parti itu juga keluar dari-pada gabungan Pakatan Harapan (PH).

Negarawan berusia 94 tahun itu mengangkat sumbah sebagai perdana menteri ketujuh pada 10 Mei 2018, selepas menerajui PH untuk menjatuhkan apa yang beliau gelar sebagai kerajaan kleptokratik.

“
Dr Mahathir selaku
perdana menteri
interim masih
perlu menjalankan
tugasnya
Dr Anuar Shah